

LAWATAN INSPEKTORAT
PELAKSANAAN LIMA
(5) INISIATIF KEJIRANAN HIJAU

Di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan

- FIVE (5) GREEN NEIGHBORHOOD INITIATIVE
INSPECTORATE VISIT At Local
Councils Level

SISTEM PENARAFAN BINTANG
BAHASA KEBANGSAAN
Pihak Berkuasa Tempatan (SPBBK-PBT) 2014

- NATIONAL LANGUAGE STAR RATING SYSTEM
Local Authorities (SPBBK-PBT) 2014

KONVENSYEN KUMPULN
INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
PERINGKAT NEGERI SELANGOR
YANG KE - 27 TAHUN 2014

- 27TH INNOVATIVE AND CREATIVE
CIRCLE (ICC) CONVENTION,
SELANGOR STATE LEVEL 2014

4

5

6



BULETIN MPAJ

BIL. 3 / 2014

KAYUHAN SANTAI JALUR GEMILANG 2014
JALUR GEMILANG RELAXING RIDE 2014





Jabatan Perancangan Korporat
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

PANDUAN TELEFON

Talian Utama	03-4296 8000
Faksimili	03-4296 8050 / 60
Talian Bebas Tol Aduan	1800-22-8100
Pejabat Yang Dipertua	03-4296 8090
Pejabat Setiausaha	03-4296 8099
Jabatan Perancangan Korporat	03-4296 8085
Jabatan Undang-Undang	03-4296 8016
Jabatan Perbendaharaan	03-4296 8004
Jabatan Khidmat Pengurusan	03-4296 8015
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan	03-4296 8007
Jabatan Pelesenan	03-4280 3944
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	03-4296 8072
Jabatan Kejuruteraan	03-4296 5887
Jabatan Perancang Bandar	03-4296 8008
Jabatan Bangunan & Senibina	03-4296 8009
Jabatan Belia & Masyarakat	03-4296 8012
Jabatan Penguatkuasa	03-4296 8024
Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan)	03-4280 5102
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)	03-4280 4675
Bahagian Audit Dalam	03-4296 8188
Bahagian Ukur Bahan	03-4297 4424

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tuan Hj Abd Hamid Bin Hussain A.I.S, P.P.T, P.P.C
Yang Dipertua

PENASIHAT

Tuan Johari Bin Atli
Pemangku Setiausaha

KETUA PENGARANG

Pn Rosliza Binti Mohd
Pengaroh Jabatan Perancang Korporat

PENGARANG

Pn. Hajah Norhayati Bt Ahmad
Pegawai Komunikasi Korporat

PENOLONG PENGARANG

En. Mohd Rizal Amry Bin Mohd Yadzi
Cik Norlaili Binti Kalyubi

PEMBANTU PENERBITAN

Pn. Arnida Binti Abdullah
Pn. Norhasimah Binti Ya'acob @ Hassan
Cik Aminah Azzahra Bt Abu Bakar (Pelajar Praktikal)

JURUGAMBAR

En. Mohd Yusof Bin Yaacob

SUKAN JKP 2014

Sukan JKP (Jawatankuasa Penduduk) 2014 yang merupakan acara tahunan MPAJ telah diadakan sepanjang bulan September 2014. Antara acara yang dipertandingkan pada setiap hujung minggu tersebut adalah bola keranjang, petanque, karom, dart, congkak, ping pong, bola sepak, bowling, futsal, badminton, bola jaring dan sepak takraw. Tahniah kepada kesemua 24 JKP di kawasan pentadbiran MPAJ yang telah memberikan komitmen dan menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi sepanjang pelaksanaan program. Majlis penutup bagi Sukan JKP ini telah diadakan pada 28 September 2014 dengan dihadiri oleh Tuan Abd. Hamid Bin Hussain, Pemangku Yang Dipertua; Tuan Johari Bin Atli, Pemangku Setiausaha; semua Ahli Majlis MPAJ; dan En. Khairilazhar Bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia dan Masyarakat. Majlis penutup telah dimeriahkan lagi dengan acara tarik tali dan sukaneka. Semoga program ini berjaya memupuk semangat kerjasama antara JKP di samping memupuk semangat kesukanan ke arah gaya hidup sihat.



JKP SPORTS DAY 2014

The annual JKP Sports Day for 2014 was held during the month of September. Sports competition such as basketball, petanque, carom, dart, "congkak", ping pong, football, bowling, futsal, badminton, netball and "sepak takraw" took place during weekends. All 24 JKPs have shown a high spirit of sportsmanship and gave their best commitment to make the JKP Sports Day 2014 a success. The closing ceremony took place on 28 September 2014 with the presents of our acting President, Tuan Abd. Hamid Bin Hussain; acting Secretary, Tuan Johari Bin Atli; and the Director of Youth and Community Department MPAJ, En. Khairilazhar Bin Ismail. May this event build a better cooperation among the JKP members and increase sportsmanship towards a healthy life style.



TAKLIMAT PENGENAAN PERMIT WAJIB KERUSI MEJA (PWKM) DI KAKI LIMA BAGI AKTIVITI RESTORAN / KEDAI MAKAN DI DALAM KAWASAN MPAJ

Permit Wajib Kerusi Meja (PWKM) Akan Dikuatkuasa Bermula Pembaharuan Lesen Tahun 2016

Bagi tujuan penambahbaikan pengurusan pemberian permit wajib kerusi meja kepada pengusaha restoran dan kedai makan, beberapa sesi taklimat telah diadakan pada 22 hingga 26 September 2014 bertempat di Auditorium, Aras 5, Menara MPAJ. Taklimat yang menasaskan semua pemilik restoran dan kedai makan di kawasan pentadbiran MPAJ bertujuan memberi penerangan dan kefahaman berkenaan pelaksanaan penguatkuasaan / pengenalan permit wajib kerusi meja (PWKM) minimum 2 unit meja di kaki lima di hadapan premis masing-masing. Sekitar 250 orang pemilik restoran dan kedai makan menghadiri sesi taklimat selama 5 hari ini. Ucapan pembukaan pada hari pertama telah disempurnakan oleh Tuan Abd. Hamid bin Hussain, Pemangku Yang Dipertua MPAJ manakala sesi taklimat telah disampaikan oleh Puan Marlina Binti Mohamad selaku Pengarah Jabatan Pelesenan dan En. Asnor Zumairi Bin Ishak juga daripada Jabatan Pelesenan MPAJ.



BRIEFING SESSION ON TABLES AND CHAIRS COMPULSORY PERMIT (PWKM) AT THE SIDEWALK FOR RESTAURANTS IN MPAJ AREA

Tables and Chairs Compulsory Permit (PWKM) Will Be Enforce Starting Renewal of 2016 Business License

For the purpose of improving the management of granting the tables and chairs permit to the restaurant owners, briefing sessions were held from 22 until 26 September 2014 at the Auditorium, Level 5, Menara MPAJ. The briefing session which targeted all restaurant owners in MPAJ's administrative area was aim to provide information and understanding on the implementation of the tables and chairs compulsory permit (PWKM), minimum 2 unit of tables on the sidewalk in front of their premises. Nearly 250 restaurant owners attended the briefing session for 5 days. Opening speech on the first day was delivered by Tuan Abd. Hamid bin Hussain, Acting President of MPAJ while the presentation was given by Puan Marlina Binti Mohamad as the Director of Licensing Department and En. Asnor Zumairi Bin Ishak also from MPAJ's Licensing Department.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor, 55100 Kuala Lumpur

Laman Sesawang : www.mpaj.gov.my | Facebook : [fb@mpaj.gov.my](https://www.facebook.com/fb@mpaj.gov.my)
E-mel MPAJ : hotline@mpaj.gov.my | Twitter : [mp_ampangjaya](https://twitter.com/mp_ampangjaya)



FIVE (5) GREEN NEIGHBORHOOD INITIATIVE INSPECTORATE VISIT At Local Councils Level

Two (2) examiners from the Inspectorate Division, Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (KPKT) pay a visit to MPAJ on 22 September 2014 to conduct inspections on five (5) Green Neighborhood Initiatives. The 5 categories of the green neighborhood initiatives are the provision of pedestrian walkways, bike paths facilities, collection and reuse of rainwater systems, waste composting, and neighborhood garden. Miss Dinesh Kaur A / P Karpal Singh and Puan Izzatul Dasyeema Binti Bahar were briefed on the five initiatives that have been undertaken by MPAJ before being brought for site visit. Puan Zuraina Binti Said as the director of Town Planning Department of MPAJ gave the presentation. Among the locations for the site visit were MPAJ's City Orchard located at Taman Kosas, SMK Bukit Indah and Bukit Indah Mosque.

LAWATAN INSPEKTORAT PELAKSANAAN LIMA (5) INISIATIF KEJIRANAN HIJAU Di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan

Dua (2) orang panel pemeriksa daripada Bahagian Inspektorat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah hadir ke MPAJ pada 22 September 2014 bagi melakukan pemeriksaan ke atas lima (5) Inisiatif Kejiranan Hijau. 5 kategori pelaksanaan inisiatif kejiranan hijau tersebut adalah penyediaan laluan pejalan kaki, penyediaan laluan basikal, sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan, pengkomposan sisa dan kebun kejiranan. Cik Dinesh Kaur A/P Karpal Singh dan Puan Nazzatul Dasyeema Binti Bahar telah diberi penerangan berkaitan lima inisiatif tersebut yang telah dilaksanakan oleh pihak MPAJ sebelum dibawa untuk lawatan tapak. Puan Zuraina Binti Said, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPAJ telah memberikan taklimat. Antara lokasi lawatan tapak adalah Dusun Bandar MPAJ bertempat di Taman Kosas, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Indah dan Masjid Bukit Indah.



KAYUHAN SANTAI JALUR GEMILANG 2014

Bersempena dengan sambutan Hari Malaysia, pihak MPAJ telah menganjurkan Kayuhan Santai Jalur Gemilang pada 14 September 2014 bermula dari Padang Perbandaran Ampang Jaya. Objektif penganjuran program ini adalah untuk memupuk semangat kebangsaan dan perpaduan di kalangan masyarakat. Keunikan pada program ini adalah setiap peserta kayuhan perlu memakai baju tradisional mengikut adat resam kaum yang terdapat di Malaysia. Terdapat juga peserta kreatif yang mengenakan pakaian daripada zaman sebelum merdeka. Tuan Pemangku Yang Dipertua sendiri iaitu Tuan Abd. Hamid Bin Hussain turut memakai baju melayu dengan berselimpang kain pelikat semasa kayuhan sebagai simbolik kepada semangat kebangsaan. Program yang turut disertai oleh En. Johari Bin Atli selaku Pemangku Setiausaha dan En. Khairilazhar Bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia dan Masyarakat adalah program kerjasama antara MPAJ dan TEKAS (Team Kayuhan Ampang Santai) yang telah berjaya meraih seramai hampir 150 orang peserta. Kayuhan bermula dari Padang Perbandaran Ampang Jaya, Pandan Indah menuju ke arah Laman Rekreasi, Kampung Tasik Tambahan melalui Taman Seraya sebelum berpatah balik ke Padang Perbandaran melalui Pandan Mewah. Sempena menghayati semangat Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia, para peserta turut mengibarkan Jalur Gemilang semasa aktiviti kayuhan berjalan. Bagi menarik minat penduduk untuk menyertai program ini pihak MPAJ turut mengadakan Pertandingan Pakaian Beragam mengikut tema dan cabutan nombor bertuah.



JALUR GEMILANG RELAXING RIDE 2014

In conjunction with Malaysia Day celebrations, MPAJ has organized Jalur Gemilang Relaxing Ride on 14 September 2014 starting from "Padang Perbandaran Ampang Jaya". The objectives of this program are to foster a national spirit and unity among the people of Ampang Jaya. The uniqueness of this program is that each participant must wear traditional clothes according to Malaysian customs. There are also creative participants who dressed up clothes from the pre-independence era. MPAJ's Acting President himself, Tuan Abd. Hamid Bin Hussain also wears "baju melayu" with sarong while cycling as a symbol of the national spirit. This program that was also attended by En. Johari Bin Atli, Acting Secretary and En. Khairilazhar Bin Ismail, Director of Youth and Community Department is a partnership between MPAJ and TEKAS (Relaxed Team Ride Ampang). Almost 150 participants joined the program. The ride started from Padang Perbandaran Ampang Jaya, Pandan Indah heading to Recreation Site, Kampung Tasik Tambahan. Then went through Taman Seraya before turning back to Padang Perbandaran Ampang Jaya via Pandan Mewah. In conjunction with the spirit of Independence Day and Malaysia Day, the participants also raised the Malaysian flag during the cycling activities. "Pakaian Beragam" competition and lucky draw were a few program held to attract residents participate in this program.

SISTEM PENARAFAN BINTANG BAHASA KEBANGSAAN Pihak Berkuasa Tempatan (SPBBK-PBT) 2014

Seramai tiga (3) orang panel yang dilantik oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah hadir ke MPAJ pada 8 September 2014 bagi melaksanakan audit Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan - Pihak Berkuasa Tempatan (SPBBK-PBT) 2014. Dr. Mardian Shah Omar selaku Ketua Panel Penilai bersama-sama Tuan Mohamed Ali Othman dan Encik Muhamad Ikhran Fadhy Hussin telah diberi penerangan ringkas tentang pematuhan serta pembudayaan Bahasa Kebangsaan di MPAJ sebelum semakan sampel dokumen rasmi dan sesi lawatan tapak dilakukan. Kriteria utama penilaian yang disemak oleh para panel penilai adalah :



"AMPANG BERSELAWAT" Malam Belia Cinta Rasul

Seramai 700 orang telah hadir bagi memeriahkan program Ampang Berselawat sempena Malam Belia Cinta Rasul yang telah berlangsung pada 18 Oktober 2014 bertempat di Laman Rekreasi, Kg. Tasik Tambahan, Ampang. Program anjuran Persatuan Belia Kampung Tasik Tambahan dengan kerjasama MPAJ ini bertujuan untuk mengajak belia ke arah cintakan Rasul dan membudayakan Islam dalam kehidupan seharian. Acara diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh wakil belia daripada Masjid Ubudiah serta persembahan nasyid oleh kumpulan nasyid In-Team. Kemuncak kepada program tersebut adalah aktiviti berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W bersama-sama dengan Habib Ali Zaenal Abidin al Hamid. Program ini turut dihadiri oleh YB. Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin, Ahli Parlimen Ampang; YB. Tuan Hj. Khasim Bin Abdul Aziz, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lembah Jaya; dan Tuan Abd. Hamid Bin Hussain, pemangku Yang Dipertua MPAJ.



NATIONAL LANGUAGE STAR RATING SYSTEM Local Authorities (SPBBK-PBT) 2014

Three (3) panels from the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (KPKT) came to MPAJ on 8 September 2014 to perform audit for the National Language Star Rating System - Local Authorities (SPBBK-PBT) 2014. Dr. Mardian Shah Omar as the chief auditor together with Tuan Mohamed Ali Othman and Encik Muhamad Ikhran Fadhy Hussin was given a brief presentation on National Language compliance and civilizing in MPAJ before checking of official documents and site visits. The main criteria reviewed by the panels were :



"AMPANG BERSELAWAT" Youth Love Prophet Muhammad S.A.W. Night

A total of 700 people have attended the "Ampang Berselawat" program in conjunction with the Youth Love Prophet Muhammad S.A.W. Night which took place on 18 October 2014 at the Laman Rekreasi, Kg. Tasik Tambahan, Ampang. The program which was organized by the Kampung Tasik Tambahan Youth Association in collaboration with MPAJ was aimed to encourage youth to cultivate the love for Prophet Muhammad S.A.W. and making Islam as way of life. The event was graced by reading verses of the holy Quran by youth representative from Ubudiah Mosque and "nasyid" performances by In-Team group. The highlight of the program was "berselawat" that is blessings upon Prophet Muhammad S.A.W. along with Habib Ali Zaenal Abidin al Hamid. The program was also attended by YB. Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin, Ampang Member of Parliament; YB. Tuan Hj. Khasim Bin Abdul Aziz, Lembah Jaya Assemblyman; and Tuan Abd. Hamid Bin Hussain, Acting President of MPAJ.

AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI) Di Majlis Perbandaran Ampang Jaya

MPAJ telah menjalani Audit Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) buat kali kedua bermula 13 Oktober 2014 yang lalu. Proses auditan yang berjalan sehingga 30 Oktober 2014 itu melibatkan tujuh (7) orang panel daripada Jabatan Audit Negara Negeri Selangor telah diketuai oleh En. Saffie' Bin Abdul Hassan, Timbalan Pengarah Audit Selangor. Beliau dibantu oleh Cik Ain Ilyana Binti Zainudin, Pn. Rohani Binti Mohd Nuri, Pn. Siti Rasyidah Binti Mohd Sumbuti, En. Mohd Nadzrul Bin Raja Omar, Pn. Nur Faizura Binti Abu Zaharin dan Pn. Nor Azlinda Binti Abd. Karim. Proses auditan yang bertujuan untuk menambahbaik proses kerja sedia ada itu melibatkan semakan ke atas beberapa skop iaitu (a) Kawalan Pengurusan; (b) Kawalan Bajet; (c) Kawalan Terimaan; (d) Kawalan Perbelanjaan; (e) Pengurusan Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah; (f) Pengurusan Aset Jabatan; (g) Pelaburan; dan (h) Pinjaman. Semoga kejayaan 4 bintang menjadi milik MPAJ.



FINANCIAL MANAGEMENT AUDIT BASED ON ACCOUNTABILITY INDEX (AI) At Ampang Jaya Municipal Council

MPAJ has undergone Financial Management Audit Based on Accountability Index (AI) for the second round starting 13 October 2014. The auditing process that was held until 30 October 2014 involved seven (7) panels from Selangor State Audit Department and was headed by En. Saffie' Bin Abdul Hassan, Deputy Director of Selangor Audit Department. He was assisted by Cik Ain Ilyana Binti Zainudin, Pn. Rohani Binti Mohd Nuri, Pn. Siti Rasyidah Binti Mohd Sumbuti, En. Mohd Nadzrul Bin Raja Omar, Pn. Nur Faizura Binti Abu Zaharin and Pn. Nor Azlinda Binti Abd. Karim. The audit process that was meant to improve existing work processes involves review on a few scopes that were (a) Management Control; (b) Budget Control; (c) Control of Receipts; (d) Expenditure Control; (e) Management on Trust Account / Trust Fund; (f) Asset Management; (g) Investments; and (h) Loan. God willing that MPAJ will receive flying colors from the audit.



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT NEGERI SELANGOR YANG KE-27 TAHUN 2014

MPAJ telah menghantar dua (2) pasukan semasa Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor 2014 yang telah berlangsung pada 2 dan 3 Oktober 2014. Pasukan Lex Legis daripada Jabatan Undang-undang telah mewakili MPAJ dalam Kategori Pengurusan dengan membawa tajuk "Kesukaran Menyemak dan Memantau Perjanjian Majlis" manakala pasukan PK Tech daripada Jabatan Penguatkuasa yang mewakili MPAJ dalam Kategori Teknikal pula membawa tajuk "Kesukaran Menunda Kereta Buruk Tidak Beroda". Setiap kumpulan telah dinilai melalui sesi pembentangan, soal jawab dan pameran. Kejayaan menjadi milik MPAJ apabila pasukan PK Tech berjaya menduduki tempat pertama bagi kategori Teknikal sekaligus layak mewakili Selangor ke peringkat kebangsaan. Pasukan Lex Legis juga beroleh kejayaan dengan menduduki tempat ke-3 bagi Kategori Pengurusan. Semoga pembudayaan inovasi akan terus dihayati oleh warga MPAJ dalam mempertingkatkan tahap perkhidmatan kepada masyarakat Ampang Jaya.

27TH INNOVATIVE AND CREATIVE CIRCLE (ICC) CONVENTION, SELANGOR STATE LEVEL 2014

Two (2) Innovative and Creative Circle (ICC) from MPAJ participated in the 27th Innovative and Creative Circle (ICC) Convention, Selangor State Level 2014 that was held on 2 and 3 October 2014. Lex Legis circle from Legal Department represents MPAJ in the Management Category with their project "Difficulty in Revising and Monitoring of MPAJ's Agreement" while PK Tech circle from Enforcement Department represents MPAJ in the Technical Category with their project "Difficulty in Towing Non-wheeled Vehicles". Each group was evaluated through presentation sessions, question and answer sessions, and exhibitions. MPAJ walk away with flying colors when PK Tech managed to occupy the first place in the technical category thus eligible them to represent Selangor in the national level. Meanwhile Lex Legis circle managed to rank 3rd place for the management category. It is hope that innovation will continue to be practice and internalized by all employees in improving the service delivery of MPAJ.

QE CERUN JUARA SEKTOR BADAN BERKANUN KATEGORI NEGERI Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan 2014

Pasukan QE Cerun dan ICC Syukur yang mewakili MPAJ telah memberikan persembahan yang membanggakan pada 24 hingga 26 November 2014 di dalam Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre. Hasil komitmen dan kerjasama berpasukan, pasukan QE Cerun yang mempertaruhkan projek "Pemeriksaan Penyelenggaraan Dan Pemantauan Cerun Di MPAJ" telah mendapat pengiktirafan 3 bintang manakala pasukan ICC Syukur yang membawa tajuk "Kesukaran Penyiraman Pokok Hiasan Di Pembahagi Jalan" telah berjaya memperolehi pengiktirafan 2 bintang. Kejayaan menjadi milik MPAJ apabila pasukan QE Cerun berjaya dinobatkan sebagai Juara Sektor Badan Berkanun Kategori Negeri. Dengan kejayaan tersebut maka pasukan ini akan mewakili MPAJ ke peringkat antarabangsa di dalam "International Convention on Quality Control Circle" (ICQCC 2015) di Gyeongnam, Korea pada 5 hingga 8 Oktober 2015.



Tajuk "Pemeriksaan Penyelenggaraan Dan Pemantauan Cerun Di MPAJ" mengetengahkan bagaimana pelaksanaan Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (BPR) Cerun dengan memperkemaskan proses dan prosedur sedia ada melalui kaedah Amalan Persekitaran Berkualiti (APB) 5S, pembudayaan elemen Local Agenda 21 (LA21) dengan kerjasama pemantauan penduduk setempat dan badan swasta serta kerjasama strategik yang terjalin dengan pihak Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM). Usahasama dengan pihak COBARA (Coalition of Bukit Antarabangsa Residents' Association) turut diberi penekanan dalam menjayakan usaha memperkasakan penyelenggaraan dan pemantauan cerun.

Tajuk "Kesukaran Penyiraman Pokok Hiasan Di Pembahagi Jalan" pula menampilkan produk inovasi daripada Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ yang dinamakan "Water Injection System". "Water Injection System" (WIS) yang dibangunkan sendiri oleh kakitangan dalaman MPAJ ini dicipta bagi mempermudah proses penyiraman pokok di sekitar Ampang Jaya. Penghasilan produk ini memberi impak positif daripada sudut penjimatan masa pelaksanaan kerja-kerja penyiraman dan penjimatan tenaga kerja.



"QE CERUN" - WINNER OF STATE STATUTORY BODIES CATEGORY National Level Team Excellence Convention 2014



"QE Cerun" and "ICC Syukur" circles which represent MPAJ have given great performances during the Team Excellence National Convention 2014 that was held at the Kuala Lumpur Convention Centre on 24 until 26 November 2014. After all the hard work and high commitment from both circles, "QE Cerun" with their project "Empowerment of Maintenance and Monitoring of Slopes in MPAJ" received 3 stars award while the "ICC Syukur" with their project "Difficulty in Watering Ornament Tree on The Road Divider" managed to receive 2 stars award. "QE Cerun" was also crowned as winner of the State Statutory Bodies Category. With that winning title, "QE Cerun" will be presenting MPAJ at the International Convention on Quality Control Circle (ICQCC 2015) at Seoul, Korea on 5 until 8 October 2015.

The Empowerment of Maintenance and Monitoring of Slopes in MPAJ project highlighted how the implementation of Slope's Business Process Reengineering (BPR) by streamlining existing processes and procedures through Quality Environmental Practices (QE 5S); implementation of Local Agenda 21 (LA21) elements by creating collaboration between the locals and private agencies; and strategic cooperation between MPAJ with the Institute of Public Work Malaysia (IKRAM), Putra University of Malaysia (UPM) and Malaysian Remote Sensing Agency (ARM). The joint venture between MPAJ and COBARA (Coalition of Bukit Antarabangsa Residents' Association) was also emphasis as one of the success factors that strengthen the implementation and monitoring of slopes in MPAJ.

The Difficulty in Watering Ornament Tree on The Road Divider project featured an innovation product named "Water Injection System" invented by the Youth and Community Department of MPAJ. The Water Injection System (WIS) was invented and developed by MPAJ's internal staff aimed to simplify the process of watering trees at Ampang Jaya area. Invention of this product gives a lot of positive impacts such as time saving in execution of watering work and labor-saving.

PROGRAM TURUN PADANG YANG DIPERTUA MPAJ Taman Melawati dan Ukay Perdana

Tuan Abd. Hamid Bin Hussain, Pemangku Yang Dipertua MPAJ bersama-sama dengan semua ketua jabatan / bahagian dalaman MPAJ telah turun padang ke kawasan Taman Melawati dan Ukay Perdana pada 19 November 2014. Program turun padang tersebut turut dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, YB. Tuan Hj Saari b. Hj Sungib dan beberapa orang Ahli Majlis MPAJ. Program tersebut dimulakan dengan lawatan ke sekitar kawasan Pusat Bandar Taman Melawati bagi melihat masalah-masalah yang wujud di kawasan tersebut seperti masalah kereta buruk, kebersihan kawasan, infrastruktur, kemudahan awam, kawalan perniagaan dan isu vandalisme. Beberapa isu dan masalah dikenalpasti dan telah diambil tindakan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Program diteruskan dengan lawatan ke tapak projek Taman Permainan Ukay Perdana dan tapak projek Dewan Ukay Perdana bagi melihat perkembangan terkini kedua-dua projek pembangunan tersebut. Program turun padang sebegini akan diteruskan dari semasa ke semasa dalam usaha MPAJ memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk dan pelanggan.



MPAJ'S PRESIDENT SITE VISIT Taman Melawati and Ukay Perdana

Tuan Abd. Hamid Bin Hussain, Acting president of MPAJ together with all heads of department did a site visit to Taman Melawati and Ukay Perdana on 19 November 2014. The site visit was also attended by Hulu Kelang State Assemblyman (ADUN), Tuan Haji Saari b. Hj Sungib and a few MPAJ's council members. The program began with a visit to Taman Melawati city centre to see the problems in the region such as cleanliness, infrastructure, public facilities, business activities and vandalism issues. Positive actions have been taken on the issues and problems identified during the visit. After visiting Taman Melawati area, the delegations continued their visit to Ukay Perdana to monitor the status of two development projects in that area those were the Ukay Perdana playground and Ukay Perdana community hall. This program will be held from time to time as one of our initiative to give a better service to MPAJ's clients.



PERTANDINGAN BERBALAS PANTUN PERINGKAT KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) DENGAN KERJASAMA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) Bersempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2014

Bersempena dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menganjurkan beberapa program bagi mengangkat martabat Bahasa Kebangsaan. MPAJ telah menyertai dua daripada program anjuran KPKT iaitu Pertandingan Menulis Cerpen dan Pertandingan Berbalas Pantun. Dua karya cerpen telah dihantar kepada pihak urusetia KPKT yang mana kedua-dua cerpen tersebut telah berjaya mendapat antara sepuluh hadiah saguhati yang ditawarkan.

Pihak MPAJ turut menghantar penyertaan di dalam Pertandingan Berbalas Pantun Peringkat KPKT yang telah berlangsung pada 18 November 2014 bertempat di Dewan Kristal, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sebanyak dua (2) kumpulan pantun telah menyertai program tersebut iaitu kumpulan "Gerimis Senja" dan "Pelangi Petang". MPAJ menyambut baik penganjuran pertandingan pantun ini dalam usaha memupuk semangat cintakan khazanah kesenian Melayu sekaligus bagi mengangkat martabat Bahasa Kebangsaan. Pasukan "Gerimis Senja" berjaya menduduki tempat ketiga dan membawa hadiah berupa wang tunai bernilai RM 300, piala dan sijil penyertaan. Hadiah telah disampaikan oleh Datin Maziah binti Adnan, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT. Semoga kejayaan ini menjadi pendorong kepada warga kerja MPAJ untuk lebih aktif terlibat dalam usaha-usaha membudayakan Bahasa Kebangsaan.

MINISTRY OF URBAN WELLBEING, HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT (KPKT) POEM COMPETITION IN PARTNERSHIP WITH INSTITUTE OF LANGUAGE AND LITERATURE (DBP)

In conjunction with the National Language Month 2014

In conjunction with the National Language Month, the Urban Wellbeing Ministry, Housing and Local Government (KPKT) in collaboration with the Institute of Language and Literature (DBP) has organized a number of programs to uplift the status of our national language. MPAJ has participated in two of the programs organized by KPKT that are the short story writing competition and poem competition. Two short stories that were submitted to KPKT secretariat managed to get among the top ten consolation prizes offered.

Two teams from MPAJ participated in the Poem Competition which took place on 18 November 2014 at the Dewan Kristal, KPKT that are "Gerimis Senja" team and "Pelangi Petang" team. "Gerimis Senja" won third place and walk away with RM 300 cash prize, a trophy and participation certificate. Prizes were presented by Datin Maziah Binti Adnan, Director General of the Local Government Department, KPKT. It is hope that this achievement will motivate MPAJ's employees to become more actively involved in efforts to civilize our national language.



LAWATAN

LAWATAN DARIPADA UNIVERSITI ISLAM SULTAN AGUNG (UNISSULA)

Perancangan Bandar



23 SEPTEMBER 2014 (SELASA)
3.00 PETANG
BILIK MESYUARAT, ARAS 16,
MENARA MPAJ

LAWATAN DARIPADA DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (DBKU)

Pengurusan dan Pengendalian Aduan Secara Berkesan



10 DISEMBER 2014 (RABU)
9:00 PAGI
BILIK MESYUARAT, ARAS 17,
MENARA MPAJ

LAWATAN DARIPADA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Amalan Persekitaran Berkualiti (APB 5S)



18 DISEMBER 2014 (KHAMIS)
9:00 PAGI
BILIK MESYUARAT, ARAS 16,
MENARA MPAJ

PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN

SEPTEMBER 2014



ANJURAN JABATAN PELESENAN

4 SEPTEMBER 2014
8.00 PAGI
AUDITORIUM, ARAS 5, MENARA MPAJ

NOVEMBER 2014



ANJURAN JABATAN PENGUATKUASA

5 NOVEMBER 2014
8.00 PAGI
GALERI, ARAS 4, MENARA MPAJ

OKTOBER 2014



ANJURAN JABATAN PERBENDAHARAAN

16 OKTOBER 2014
8.00 PAGI
GALERI, ARAS 4, MENARA MPAJ

DISEMBER 2014



ANJURAN JABATAN BELIA & MASYARAKAT

8 DISEMBER 2014
8.00 PAGI
GALERI, ARAS 4, MENARA MPAJ

- Majlis Pelancaran Hari Inovasi MPAJ 2014
- Majlis Pelancaran Pelan Strategik MPAJ 2015-2020
- Majlis Pelancaran Hari Integriti MPAJ 2014
- Majlis Pelancaran Talian Khas Aduan Sampah

PROGRAM KEMASYARAKATAN

MESYUARAT AGUNG PUSPANITA KE-30 "WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT"



10 DISEMBER 2014
GALERI, ARAS 4, MENARA MPAJ

PROGRAM MENANAM POKOK UNTUK SEKOLAH-SEKOLAH KHAS



SK Taman Permata, SK Ampang Campuran,
SK Cheras Indah, SMK Taman Tasik Tambahan

11 NOVEMBER 2014
TAMAN REKREASI AU5,
TAMAN KERAMAT

KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH PIALA MPAJ 2014



16 NOVEMBER 2014
PADANG BOLA SEPAK
PANDAN PERDANA

MPAJ / TEXAS MOUNTAIN BIKE FUN RACE SIRI 2 / 2014



26 OKTOBER 2014
TREK BASIKAL TAMAN BUKIT INDAH

PROGRAM MELAWATI FUN RIDE 2014



16 NOVEMBER 2014
TAMAN MELAWATI

SEPAK TAKRAW TERBUKA SIRI 5 MPAJ



19 OKTOBER 2014
JALAN 7/3, PANDAN PERDANA

GRAM KEMASYARAKATAN

INTERNATIONAL VETERAN SOCCER



27 SEPTEMBER 2014
PADANG MPAJ,
KUALA AMPANG

BIKE TERBUKA 2014 (SIRI 3)



16 SEPTEMBER 2014
TREK BASIKAL AU2,
TAMAN KERAMAT

MPAJ MENDUDUKI TEMPAT KE-3 ANUGERAH BANDAR MAMPAN (MURNINETS) 2013 Penyerahan Anugerah Semasa Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Habitat Sedunia 2014

MPAJ telah berjaya menduduki tempat ke-3 di dalam Anugerah Bandar Mampan (MurniNet) 2013 dengan markah 95%. Majlis Penyerahan Anugerah telah diadakan semasa Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Habitat Sedunia 2014 yang telah diadakan pada 11 November 2014 bertempat di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. MurniNets adalah merupakan singkatan kepada Jaringan Penunjuk - Penunjuk Bandar Malaysia (Malaysian Urban Indicators Network). Satu pendekatan yang dapat mengukur dan menilai kemampunan sesebuah bandar serta kawasan gabungannya melalui penggunaan Penunjuk- Petunjuk Bandar. MurniNets merangkumi set penunjuk di bawah 6 dimensi dan 21 tema yang menggambarkan tahap kemampunan bandar di Malaysia. Melalui penunjuk MurniNets ini, tindakan boleh dirangka untuk dilaksanakan oleh PBT ke arah pembangunan mampan. Dalam konteks ini, penekanan boleh diberi dalam mewujudkan persekitaran perbandaran yang mampan dengan penyediaan perumahan dan perkhidmatan yang berkualiti.



MPAJ RANKED 3RD PLACE FOR THE SUSTAINABLE URBAN AWARDS (MurniNets) 2013 Award Given During the World Town Planning Day and World Habitat Day 2014

MPAJ was ranked 3rd place for the Sustainable Cities Award (MurniNets) 2013 with 95% marks. The award ceremony was held during the celebration of World Town Planning Day and World Habitat Day 2014 on 11 November 2014 at Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. MurniNets is an abbreviation for Malaysian Urban Indicators Network. It is an approach to measure and evaluate the sustainability of a city and its affiliate areas through the use of town indicators. MurniNets include indicators that were set under 6 dimensions and 21 themes that reflect the level of sustainability of cities in Malaysia. Through MURNInets indicators, action can be designed to be implemented by local authorities towards sustainable development. In this context, emphasis should be placed on creating a sustainable urban environment with the provision of housing and quality service.



SIMULASI KEBAKARAN DI MENARA MPAJ

Sesi latihan kebakaran yang melibatkan seluruh warga kerja dan penyewa di Menara MPAJ telah diadakan pada 31 Disember 2014 yang lalu dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Balai Bomba dan Penyelamat Pandan. Objektif latihan ini diadakan adalah (a) Pelan dan petunjuk arah laluan kecemasan sekiranya berlaku kebakaran; (b) Mengetahui cara-cara untuk menyelamatkan diri semasa kebakaran; (c) Memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pekerja tentang bahaya kebakaran; dan (d) Sentiasa memastikan sistem peralatan pencegahan kebakaran dan alatan pemadaman dalam keadaan baik. Semasa hari latihan tersebut, loceng kecemasan telah dibunyikan pada jam 9:11 pagi yang mana jenis alat penggera yang diaktifkan adalah jenis "pecah kaca" ("break glass"). Penghuni terakhir telah keluar dari Menara MPAJ pada jam 9:17 pagi dan jentera bomba telah tiba di lokasi juga pada jam 9:17 pagi. Semua warga kerja MPAJ dan penyewa di Menara MPAJ turut dipersembahkan dengan demonstrasi pengendalian kebakaran kecil bagi tujuan pendedahan. Secara keseluruhannya sesi simulasi kebakaran ini dilihat berjaya mengikut ketetapan masa yang ditetapkan.

FIRE SIMULATION AT MENARA MPAJ

Fire drill involving all employees and tenants at Menara MPAJ was held on 31 December 2014 in collaboration with the Malaysian Fire and Rescue Department, Fire and Rescue Station Pandan. The objectives of this training were (a) The plans and directions of emergency routes in case of fire; (b) Knowing how to escape during a fire; (c) To provide exposure and awareness to employees about the dangers of fire; and (d) Always ensure that the system of fire prevention equipment and extinguishing equipment in good condition. During the exercise, emergency bell was rung at 9:11 am that was activated by "break glass" alarm type. The last occupant vacated Menara MPAJ at 9:17 am, the same time as the arrival of fire truck. All employees and tenants of Menara MPAJ were also presented with a small demonstration on fire control for disclosure purposes. As a conclusion the fire drill was a success since the whole procedure was followed according to specified time frame.



MISI BANTUAN BANJIR PANTAI TIMUR #prayforpantaitimur

Atas nilai-nilai kemanusiaan, MPAJ telah melaksanakan usaha-usaha bantuan banjir ke kawasan pantai timur Malaysia ketika musibah banjir melanda beberapa negeri di kawasan tersebut. YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor sendiri telah mengarahkan MPAJ bagi menghulurkan bantuan di kawasan Kuala Krai, Kelantan. Misi bantuan pertama daripada MPAJ ke Kuala Krai telah bermula pada 30 Disember 2014 yang mana deligasi ini diketuai oleh Tuan Abd. Hamid Bin Hussain iaitu Pemangku Yang Dipertua MPAJ sendiri. Seterusnya beberapa pasukan telah dihantar ke Kuala Krai secara bergilir dalam usaha menyampaikan sumbangan dan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Selain itu, bantuan turut disalurkan ke Temerloh, Pahang. Sekalung penghargaan kepada warga kerja MPAJ yang telah menyumbang bakti menyertai misi bantuan ke Kelantan dan Pahang. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada para dermawan yang sudi memberikan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir. Semoga bantuan kalian mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.



EAST COAST FLOOD RELIEF MISSION #prayforpantaitimur

In the name of humanity, MPAJ has done flood relief efforts to help the people at the east coast of Malaysia when floods hit several states in the region. YAB. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, Chief Minister of Selangor himself has instructed MPAJ to provide assistance in the area of Kuala Krai, Kelantan. Our first aid mission to Kuala Krai began on 30 December 2014 which was headed by our own Acting President, Tuan Abd. Hamid Bin Hussain. Several teams were sent to Kuala Krai in rotation to distribute contributions and assistance to the flood victims. Besides Kuala Krai, assistance was also channeled to Raub, Pahang. Helps and contributions for the east coast flood relief mission to Kelantan and Pahang are highly appreciated.



HARI INOVASI MPAJ 2014

Hari Inovasi MPAJ 2014 telah diadakan pada 16 dan 17 Disember 2014 bertempat di Menara MPAJ, Pandan Indah. Majlis pelancaran Hari Inovasi tersebut oleh Tuan Abd. Hamid Bin Hussain, Pemangku Yang Dipertua MPAJ telah diadakan pada 15 Disember 2014 semasa program Perhimpunan Pagi Bulanan MPAJ yang mana semua hadiah kemenangan MPAJ dalam bidang inovasi telah diserahkan kembali kepada semua pasukan / pemenang sebagai simbolik penghargaan MPAJ kepada warga kerja yang telah membudayakan inovasi dalam usaha meningkatkan prestasi kerja. Selain itu, 2 orang kakitangan MPAJ telah diangkat sebagai Tokoh Inovasi 2014 iaitu Puan Rosliza Binti Mohd bagi kategori Pengurusan & Professional dan En. Hasli Bin Hanafi bagi kategori Kumpulan Sokongan. Antara program yang dianjurkan sepanjang 16 dan 17 Disember 2014 adalah pameran produk-produk inovasi daripada setiap jabatan dalaman MPAJ, kursus inovasi, kaunter pemeriksaan kesihatan, kuiz inovasi, program Cetusan Idea dan pembukaan kaunter oleh agensi luar.

MPAJ INNOVATION DAY 2014

MPAJ Innovation Day 2014 was held on 16 and 17 December 2014 at Menara MPAJ, Pandan Indah. The launching ceremony was held on 15 December 2014 during the monthly morning assembly by Tuan Haji Abd. Hamid Bin Hussain, Acting President of MPAJ. All the innovation winning prizes received by MPAJ have been handed back to all teams/ winners as a symbolic tribute to MPAJ's staff who has cultured innovation in their daily work processes as initiatives to improve delivery system. In addition, two employees have been award as "Tokoh Inovasi" that is Puan Rosliza Binti Mohd for the Management & Professional category and En. Hasli Bin Hanafi for the Support Group category. Among programs organized throughout 16 and 17 December 2014 were the exhibition of innovative products by MPAJ's internal department, innovation courses, medical examinations counters, innovation quiz, collection of new innovation ideas and exhibitions by external agencies.



PK TECH MEMENANGI ANUGERAH KETUA PENGARAH MAMPU (NEGERI - KATEGORI TEKNIKAL) Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Ke-31 Tahun 2014

Kumpulan KIK PK Tech daripada MPAJ yang mewakili Selangor di dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan ke-31 telah berjaya mendapat Anugerah Ketua Pengarah MAMPU (Negeri - Kategori Teknikal). Tajuk yang dipertaruhkan oleh kumpulan PK Tech adalah "Kelemahan Kerja Menunda Kereta Buruk Tidak Bertayar" yang mana pihak kumpulan telah mencipta alat inovasi yang dikenali sebagai "Easy Tow". Konvensyen tersebut telah diadakan di Hotel Renaissance, Johor Bharu Pada 1 hingga 4 Disember 2014 dan telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor Darul Takzim. Konvensyen yang diadakan secara tahunan anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) ini bertujuan untuk meningkatkan aktiviti perkongsian penyampaian perkhidmatan yang kreatif dan inovatif.



PK TECH WON THE MAMPU DIRECTOR GENERAL AWARD (STATE - TECHNICAL CATEGORY) National Level Public Service Innovative and Creative Circle (ICC) Convention 2014

MPAJ's ICC group, PK Tech which represented Selangor State Government in the National Level Public Service Innovative and Creative Circle (ICC) Convention 2014 has won the MAMPU Director General Award (State - Technical Category). Their project title was "Weaknesses in Towing Idle Car without Wheels" in which this group has created an innovative tool called "Easy Tow". The convention was held at the Renaissance Hotel, Johor Bahru on 1st to 4th December 2014 and was inaugurated by YAB. Dato' Mohamed Khaled Nordin, Chief Minister of Johor. The convention that is annually organized by the Institute of Public Administration (INTAN) aims to enhance knowledge sharing activities among the participants and highlighted the creative and innovative method of service delivery.

MPAJ CALON SENARAI PENDEK ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT) 2014 Hadiah Kemenangan RM 100,000 & Sijil Penyertaan

Dalam usaha menghayati semangat pembudayaan inovasi, MPAJ telah menyertai Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Selepas melalui sesi pembentangan dan lawatan tapak bagi proses saringan, MPAJ telah berjaya tercalon dalam senarai pendek anugerah tersebut dan menerima hadiah kemenangan sebanyak RM 100,000 beserta sijil. Upacara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YB. Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 11 Disember 2014 semasa Majlis Perasmian Pusat Penyelidikan Kebombaan (PUSPEK), Sambutan Hari Inovasi dan Bulan Bahasa Kebangsaan KPKT 2014. MPAJ diwakili oleh Ir Hj. Zafrul Fazry Bin Mohd Fauzi serta beberapa pegawai MPAJ yang lain. MPAJ turut membuka ruang pameran semasa sambutan Hari Inovasi KPKT dalam usaha mempromosikan produk-produk inovasi MPAJ. Hadiah kemenangan RM 100,000 ini telah digunakan bagi pelaksanaan projek Pusat Panggilan Setempat MPAJ dalam usaha memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dan penduduk di sekitar kawasan pentadbirannya.

MPAJ SHORT LISTED FOR THE LOCAL AUTHORITIES INNOVATION AWARD (AIPBT) 2014 RM 100,000 winning prize & certificate of participation

MPAJ has participated in the Local Authorities Innovation Award (AIPBT) which was organized by the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (KPKT). After undergoing presentation session and site visit for the screening process, MPAJ has successfully nominated as one of the short listed local councils and received winning prize of RM 100,000 and certificate of participation. The prize giving ceremony was officiated by YB. Datuk Abdul Rahman Bin Dahlan, Urban Wellbeing, Housing and Local Government Minister on 11 December 2014 during the Opening Ceremony of Fire Research Centre (PUSPEK), KPKT Innovation Day and National Language Month 2014. MPAJ was presented by Ir Hj. Zafrul Fazry Bin Mohd Fauzi and some other officers. MPAJ also setup an exhibition corner during the KPKT Innovation Day celebration to promote innovation products of MPAJ. The RM 100,000 winning prize has been earmarked for MPAJ's Call Centre project in order to provide better service to our customers and residents.



**PENGHARGAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
PRIHATIN KATEGORI PBT TAHUN 2014**
Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin :
Perbandaran Mesra OKU

MPAJ telah menerima Penghargaan Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin Kategori PBT Tahun 2014 pada 3 Disember 2014 yang lalu. Penyerahan sijil Pihak Berkuasa Tempatan Prihatin : Perbandaran Mesra OKU ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir semasa Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Peringkat Kebangsaan 2014 bertempat di Dewan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan. Hadir menerima sijil penghargaan tersebut adalah Pemangku Yang Dipertua MPAJ, Tuan Abd. Hamid Bin Hussain diiringi Puan Rosliza Binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ dan En. Ahmad Alhairi b Mohamed Yusuf, Pengarah Jabatan Bangunan & Senibina MPAJ.



**CONCERN LOCAL AUTHORITIES APPRECIATION
FOR LOCAL COUNCIL (PBT) CATEGORY 2014**
Concern Local Authorities : Disabled Friendly
Township

MPAJ has received the Concern Local Authorities Appreciation for Local Council (PBT) Category 2014 on 3 December 2014. Handing over of the Concern Local Authorities : Disabled Friendly Township certificate was officiated by His Majesty Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir during the National Level Disabled Day Celebration 2014 at the Seremban Municipal Council Hall, Negeri Sembilan. Present at the ceremony receiving the certificate of appreciation was MPAJ's Acting President, Tuan Hj. Abd. Hamid Bin Hussain; Puan Rosliza Binti Mohd, Director of Corporate Planning Department; and En. Ahmad Alhairi b Mohamed Yusuf, Director of Building & Architecture Department.

**MPAJ PBT PERTAMA DI SELANGOR
TERIMA SIJIL ISO / IEC 27001:2007**

MPAJ telah menerima sijil ISO / IEC 27001:2007 Information Security Management System (ISMS) daripada pihak SIRIM. Skop persijilan ISMS MPAJ adalah "Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Data Sistem e-PBT di Pusat Data Menara MPAJ". Wakil daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu Encik Wan Mohd Rosdi bin Wan Dolah, Ketua Perunding, Bahagian Perundingan ICT telah hadir ke Menara MPAJ bagi menyempurnakan sesi penyerahan sijil ISO / IEC 27001:2007 pada 4 September 2014 semasa Perhimpunan Bulanan MPAJ. Pihak MPAJ juga turut menerima sijil ISMS daripada pihak SIRIM selaku badan persijilan semasa Majlis SIRIM Industri 2014 pada 21 November 2014 daripada YBrs. Puan Haliza Ibrahim, Naib Presiden SIRIM Berhad.



**MPAJ 1ST LOCAL COUNCIL IN SELANGOR
TO BE ISO / IEC 27001:2007 CERTIFIED**

MPAJ has been certified with ISO / IEC 27001: 2007 Information Security Management System (ISMS) by SIRIM. The scope of ISMS certification of MPAJ is "Information Security Management System for e-PBT Data System in Menara MPAJ Data Center". Representative from Administrative Modernisation and Management Planning (MAMPU), Encik Wan Mohd Rosdi bin Wan Dolah, Chief Consultant, ICT Consultancy Division attended MPAJ's Monthly Assembly on 4 September 2014 at Menara MPAJ to deliver the ISO / IEC 27001: 2007 certificate. MPAJ also received the ISMS certificate from SIRIM as our certification body during SIRIM Industry Night 2014 on 21 November 2014 from YBrs. Puan Haliza Ibrahim, Vice President of SIRIM Berhad.

PERSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2008
Persijilan Disambung Tanpa Pindaan

Seramai 6 orang auditor daripada SIRIM QAS International telah hadir ke Menara MPAJ pada 3 hingga 5 Disember 2014 bagi melaksanakan audit persijilan semula (MS ISO 9001:2008) MPAJ yang merangkumi 23 skop. Pihak pengurusan tertinggi MPAJ amat menitikberatkan pematuhan ke atas MS ISO 9001:2008 yang telah merangkumi keseluruhan proses kerja utama organisasi bermula 1 Jun 2012 bagi memastikan prestasi kerja cemerlang bersandarkan piawaian yang telah ditetapkan. Hasil komitmen dan kerjasama semua jabatan maka MPAJ telah disambung persijilan tanpa pindaan. MPAJ mengekalkan pencapaian tanpa sebarang Laporan Ketidakakuran (NCR) buat kali keempat berturut-turut. MPAJ amat berterima kasih kepada barisan panel auditor yang bukan sahaja melaksanakan proses auditan tetapi juga telah sudi berkongsi kaedah terbaik dan cadangan penambahbaikan kepada pihak jabatan.

Barisan auditor daripada SIRIM QAS International :

- 1) Tuan Hj. Ali Bin Borhan (Ketua Auditor)
- 2) En. Mohd Azhar Bin Abdul Kadir
- 3) En. Mahmud Rizal Bin Othman
- 4) En. Khaled Bin Saleman
- 5) En. Mohd Faizul Bin Yusof
- 6) Puan Hajah Hanida Binti Ghazali



MS ISO 9001:2008 RECERTIFICATION
Recertification without Amendment



A total of 6 auditors from SIRIM QAS International present at Menara MPAJ from 3 to 5 December 2014 to implement the MS ISO 9001: 2008 recertification audit which covers 23 scopes. The top level management of MPAJ emphasized the compliance of MS ISO 9001: 2008 which has covered all core businesses of MPAJ since 1 June 2012 to ensure outstanding performance based on the standards being set. Commitment and cooperation of all departments has been paid off with recertification without amendment. MPAJ maintain our performance by not receiving any Non-Conformity Report (NCR) for the fourth time in a row. MPAJ is very grateful to the panel of auditors who not only perform the audit process but also willing to share the best methods and improvement recommendations to our internal departments.

List of auditors from SIRIM QAS International :

- 1) Tuan Hj. Ali Bin Borhan (Ketua Auditor)
- 2) En. Mohd Azhar Bin Abdul Kadir
- 3) En. Mahmud Rizal Bin Othman
- 4) En. Khaled Bin Saleman
- 5) En. Mohd Faizul Bin Yusof
- 6) Puan Hajah Hanida Binti Ghazali

PROGRAM KSKK



MAJLIS IBADAH KORBAN MPAJ 2014 PADA 8 OKTOBER 2014 DI STOR MPAJ



GRAND FINALE KEJOHANAN LIGA FUTSAL PIALA MENTERI BESAR SELANGOR 2014 PADA 14 DISEMBER 2014 DI SPORTS PLANET, AMPANG



PERTANDINGAN KARAOKE NOSTALGIA BINTANG MPAJ 2014 (PERINGKAT AKHIR) PADA 23 DISEMBER 2014 DI AUDITORIUM MPAJ

